

BAB II

SEJARAH DAN PERKEMBANGAN PARTI ISLAM SE-MALAYSIA (P A S)

A. Latar Belakang Sejarah Penubuhan PAS Di Malaysia

Sebelum membincangkan tentang sejarah penubuhan PAS, adalah lebih baik untuk membicarakan terlebih dahulu mengenai latar belakang penubuhan Hizbul Muslimin (HAMIM) serta keadaan sosio-politik negara pada ketika itu. Ini disebabkan oleh kerana penubuhan PAS itu sendiri mempunyai kaitan rapat dengan HAMIM yang telah ditubuhkan terlebih dahulu. Bahkan jika diperhatikan kebanyakan dari tokoh-tokoh awal yang menubuhkan PAS adalah mereka yang pernah terlibat secara aktif di dalam pergerakan HAMIM.⁵⁰

⁵⁰ Temubual penulis dengan Tuan Haji Mohd Arif bin Abbas, bekas Ketua Dewan Ulama PAS Pahang 1950-1960-an. Temubual dijalankan di rumahnya di Kampung Tanjung Batu, Mukim Ganchong, Pekan Pahang pada pukul 10.00 pagi, 9 Januari 2000. N. J. Funston, *Malay Politics in Malaysia : A Study of UMNO and PAS*, Kuala Lumpur : Heinemen Asia, 1980, hlm. 94.

Di dalam senario politik tanah air, kesedaran politik orang Melayu mengalami masa perkembangan yang menggalakkan selepas Perperangan Dunia Kedua tamat.⁵¹ Penubuhan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada 17 Oktober 1945⁵² merupakan suatu wadah perjuangan pada waktu itu memberi peluang kepada orang Melayu untuk menuntut kemerdekaan daripada penjajah British. Penubuhannya bertujuan untuk memperjuang dan memperoleh kemerdekaan Tanah Melayu sepenuhnya dari penjajah British.⁵³

Perjuangan PKMM di bawah pimpinan Ishak Hj. Muhammad, Mokhtaruddin Lasso serta Burhanuddin al-Helmi telah mengalami proses perkembangan yang menggalakkan serta berhasil meraih sokongan dan simpati masyarakat Melayu. Di dalam perkembangannya, PKMM telah menuahkan barisan hadapannya sendiri seperti Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan Barisan Tani se-Malaya (BATAS). Sehubungan dengan itu, di dalam usahanya untuk

⁵¹ Ibid. Kamaruddin Jaafar, 'Malay Political Partise : An Interpretative Essay', *Journal of Southeast Asian Affairs*, Singapore, 1979, hlm. 212. Sarim Haji Mustajab, 'Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu 1906-1948', Khoo Kay Kim, ed., *Malaysia : Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 1979, hlm. 149-173. W.R. Roff (diterjemah oleh Ahmad Boestamam), *Nasionalisma Melayu*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 1975, hlm. 268-281.

⁵² Ahmad Boestamam, *Dr. Burhanuddin Putera Setia Melayu Raya*, Kuala Lumpur : Pustaka Kejora, tanpa tahun.

⁵³ Ahmad Boestamam, *Carring the Path of the Summit*, Ohio : Ohio University Press, 1979, hlm. 25.

mendapatkan sokongan yang kukuh dari masyarakat Islam, PKMM juga terlibat dengan penubuhan Hizbul Muslimin yang kemudiannya menjadi gerakan politik Islam pertama di Malaya.⁵⁴

Hasil dari Persidangan Agama-Ekonomi se-Malaya yang di adakan di Maahad al-Ehya as-Sharif, Gunung Semanggol, Perak, dua buah organisasi lain telah ditubuhkan iaitu Pusat Perekonominian Melayu se-Malaya (PEPERMAS) dan Majlis Tertinggi Agama (MATA). Walaubagaimanapun, di dalam perkembangan seterusnya hanya MATA yang giat berkembang serta mempunyai pengaruh yang besar di kalangan masyarakat Islam.⁵⁵ Perkembangan MATA adalah begitu menggalakkan. Sehingga akhir tahun 1947, semua negeri di Tanah Melayu telah mempunyai cawangan MATA.⁵⁶ Perkembangan ini telah melahirkan kebimbangan yang serius kepada para sekularis di dalam UMNO.

Pada bulan Mac 1948, MATA telah mengadakan persidangannya yang ke empat. Satu perkara penting yang menjadi perbincangan di dalam persidangan tersebut ialah penubuhan sebuah parti politik Islam yang

⁵⁴ Funston, *op. cit.*, hlm. 90.

⁵⁵ *Ibid.*, hlm. 88. Nabir Haji Abdullah, *Maahad II Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959* (Latihan Ilmiah), Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1975.

⁵⁶ *Ibid.*

pertama. Melalui persidangan ini, sebuah jawatankuasa telah dibentuk untuk membincangkan dengan lebih lanjut mengenai cadangan tersebut. Akhirnya, hasil perbincangan jawatankuasa tersebut, HAMIM telah dibentuk pada 14 Mac 1948, di dalam persidangan MATA ke empat tersebut. Ustaz Abu Bakar al-Baqir⁵⁷ dari Maahad al-Ehya as-Sharif, Gunung Semanggol, Perak; Haji Ariffin dari Johor dan Mahmud Daud Jamil dari Kelantan telah terpilih di dalam persidangan tersebut untuk menerajui HAMIM.⁵⁸

Matlamat penubuhan HAMIM ialah untuk mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu dan membentuk sebuah masyarakat dan negara Islam di Tanah Melayu. Untuk mencapai matlamat ini, tujuh objektif telah digariskan iaitu :

1. *Membangkitkan kesedaran umat Islam mengenai falsafah politik Islam.*
2. *Menyatukan seluruh umat Islam di dalam satu ideologi.*
3. *Mempertahankan kebebasan berakhbar, berhimpun dan berucap.*
4. *Meningkatkan bilangan sekolah-sekolah.*
5. *Meningkatkan taraf pendidikan.*
6. *Meninggikan akhlak umat Islam.*

⁵⁷ Nabir Haji Abdullah, op. cit., hlm. 68. Nabir Haji Abdulah, 'Ustaz Abu Bakar al-Baqir Dalam Kenangan', *Malaysia In History*, Vol. XIX, No. 2, Disember 1976, hlm. 23-34.

⁵⁸ Funston, op. cit., hlm. 90-91. Husin @ Hashim Mamat, *Satu Analisa Tentang Krisis Kepimpinan Politik Islam Malaysia Sekitar Tahun 1977/1978* (Latihan Ilmiah), Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1978/1979, hlm. 65.

7. Memelihara perkembangan ekonomi dan sosial umat Islam.
8. Bekerjasama dengan mana-mana persatuan dan gerakan Islam antarabangsa untuk mencapai cita-cita ini.⁵⁹

Di dalam perkembangan seterusnya, HAMIM telah berjaya menubuhkan cawangannya di setiap negeri dengan jumlah keseluruhan ahli seramai dua ribu lima ratus orang. Akibatnya, HAMIM dianggap sebagai sebuah gerakan yang merbahaya oleh pihak UMNO dan British. Bahkan Dato' Onn sebagai pimpinan tertinggi UMNO pada ketika itu mengingatkan masyarakat tentang "bahaya dari gunung" yang merujuk kepada HAMIM.⁶⁰

Akibat dari penentangan HAMIM yang lantang terhadap penjajah British dan juga proses perkembangannya yang begitu pesat, pihak British telah mengambil keputusan mengharamkan HAMIM. Beberapa orang pimpinannya telah ditangkap dan dengan ini berakhirlah riwayat HAMIM sebagai sebuah parti politik Islam yang pertama.⁶¹ Kesan daripada pengharaman tersebut, umat Islam yang semakin faham dengan konsep

⁵⁹ *Ibid.*, hlm. 89. Temubual penulis dengan Tuan Haji Mohd Arif bin Abbas pada 9 Januari 2000.

⁶⁰ *Ibid.*, hlm. 91. Nabir Haji Abdullah, *Maahad*, op. cit., hlm. 188. Menurut Nabir, bahaya dari gunung yang dimaksudkan oleh Dato' Onn ialah Maahad al-Ehya as-Sharif, Gunung Semanggol, Perak yang dijadikan pusat/markaz pergerakan Hizbul Muslimin.

⁶¹ *Ibid.*

perjuangan ke arah kemerdekaan terus bergerak melalui PKMM dan UMNO. Semangat perjuangan hasil dari pengaruh HAMIM yang terdapat di kalangan organisasi politik seperti UMNO dan PKMM telah berhasil memainkan peranan bagi memperkembangkan ide-ide Islam dalam organisasi tersebut. Di dalam UMNO misalnya, timbul keinginan dari kalangan pimpinan atasannya untuk meraih sokongan yang lebih meluas di kalangan umat Islam. Keinginan ini akhirnya membawa kepada tertubuhnya Bahagian Agama UMNO⁶² yang kemudiannya mencadangkan penubuhan Majlis Agama Islam di setiap negeri.⁶³

Ekoran dari itu, satu persidangan di kalangan ulamak-ulamak UMNO telah diadakan pada 21-22 Februari 1950 di Bandar Maharani, Muar, Johor. Persidangan pertama ini dihadiri oleh empat puluh enam orang wakil,⁶⁴ tiga ratus orang pemerhati yang terdiri dari pelbagai pertubuhan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri di Semenanjung

⁶² G.P. Means, *Malaysian Politics*, London : Hodder and Stoughton, 1976, hlm. 199.

⁶³ Funston, *op. cit.*, hlm 92. R. S. Milne & D. K. Mauzi, *Politics and Government In Malaysia*, Singapore : Federal Publications, 1978, hlm. 142.

⁶⁴ *Ibid.*, hlm. 92-93. *Utusan Melayu*, 21 Februari 1950 juga menyatakan jumlah perwakilan yang sama. *Warta Negara*, 22 Februari 1950 menyatakan jumlah wakil seramai 49 orang. Safie Ibrahim, *The Islamic Party of Malaysia : Its Formative Stages and Ideology*, Pasir Putih : Nuawi bin Ismail Publisher, 1981 mencatatkan jumlah perwakilan seramai 52 orang.

dan juga beberapa cawangan UMNO Semenanjung.⁶⁵ Beberapa perkara penting telah dibincangkan dan beberapa keputusan telah dibuat, di antaranya ialah :

1. Berusaha menyamakan hari dan tarikh puasa serta hari raya.
2. Meminta kerajaan Arab Saudi mengurangkan cukai jemaah haji dan memberikan layanan yang memuaskan.
3. Mencadangkan penubuhan Jabatan Agama Islam di Melaka dan Pulau Pinang menggantikan Majlis Penasihat Islam.
4. Meminta kerajaan memberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar agama yang melanjutkan pelajaran ke luar negara.
5. Menubuhkan sebuah Kolej Islam.⁶⁶

⁶⁵ *Ibid.*, Funston menyatakan bahawa Pahang dan Madrasah al Ehya ash-Sharif tidak menghantar wakil ke persidangan ini.

⁶⁶ *Ibid.*

Selain itu, persidangan juga telah bersetuju untuk menubuhkan satu majlis yang dinamakan Majlis Perhubungan Islam.⁶⁷ Sebuah badan agama lain juga telah ditubuhkan iaitu Persatuan Ulama se-Tanah Melayu dan Haji Ahmad Fuad bin Hassan⁶⁸ telah dilantik menjadi Yang Di Pertua, Haji Ahmad Maliki sebagai Naib Yang Di Pertua, Ustaz Ahmad Saghir sebagai Setiausaha dan Haji Ahmad bin Long sebagai Bendahari.⁶⁹

Jadual 8 : AJK Persatuan Ulama Se-Tanah Melayu Yang Pertama

Jawatan	Nama
Yang Di Pertua	Tuan Haji Ahmad Fuad bin Hassan
Naib Yang Di Pertua	Tuan Haji Ahmad Maliki
Setiausaha	Al-Fadhil Ustaz Ahmad Saghir
Bendahari	Tuan Haji Ahmad bin Long

⁶⁷ *Ibid.*, hlm. 93. Safie Ibrahim, *op. cit.*, hlm. 11. *Straits Times* 21 Februari 1950. *Warta Negara*, 23 Februari 1950, *Straits Times*, 23 Februari 1950. *Utusan Melayu*, 23 Februari 1950. *Utusan Melayu* 25 Februari 1950. Ahmad Kamar bin Abdul Rahman, *Parti Islam Se-Malaysia di Peringkat Negeri (Kedah) Dan di Peringkat Kawasan (Kubang Pasu)*, (Tesis Ph.D.), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 228. Haji Baharuddin bin Haji Abdul Latif, *Islam Memanggil, Rencana-Rencana Sekitar Perjuangan PAS 1951-1987*, Gunung Semanggol : Pustaka Abrar, 1994, hlm. xvii.

⁶⁸ Radziah bt. Sulong, *Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan, Biografi Seorang Tokoh Politik* (Latihan Ilmiah), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1986/87.

⁶⁹ Funston, *loc. cit.*, Zainal Abidin bin Abdul Wahid (et. al.), *Negara Kita : Sejarah, Pentadbiran dan Dasar-Dasar Pembangunan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hlm. 322.

1. Kongres Alim Ulama "Pan Malaya"

Selepas persidangan tersebut, Haji Ahmad Fuad telah menulis satu pandangannya yang bertajuk :

".....Ulama-Ulama di Malaya Belum Lagi Bersatu dan Tidak Mempunyai Organisasi Bersatu.....".⁷⁰

Beberapa minggu selepas pandangan ini diterbitkan, Jawatan Kuasa Tertinggi UMNO dalam mesyuaratnya pada 30 Jun 1951 memutuskan bahawa parti UMNO (Jabatan Agama UMNO) akan mengadakan Kongres Alim Ulama "Pan Malaya" pada 23 Ogos 1951 di Kelab Sultan Sulaiman Kampung Bharu, Kuala Lumpur.⁷¹ Pihak UMNO telah menghantar jemputan kepada semua pejabat Jabatan Agama Negeri tetapi hanya Majlis Penasihat Agama Pulau Pinang yang menghantar wakil.⁷²

Berbagai aspek dalam bidang agama serta politik semasa telah dibincangkan di dalam kongres kali ini. Terdapat juga di kalangan para perwakilan yang menyentuh sikap pemimpin UMNO terhadap hukum Islam dan hak Melayu. Kongres kali ini telah meluluskan dua ketetapan

⁷⁰ *Suara UMNO*, 15 April 1951.

⁷¹ *Suara UMNO*, 15 Julai 1951.

⁷² *Utusan Melayu*, 20 Ogos 1951.

penting iaitu memperbaharui dan meneruskan langkah menubuhkan Badan Tertinggi Agama Islam di peringkat kebangsaan dan juga pembentukan sebuah persatuan alim-ulama yang bebas (tidak terikat secara langsung dengan UMNO) dengan nama Persatuan Ulama-Ulama Se-Tanah Melayu.⁷³ Selain dari itu persidangan juga bersetuju melantik sebuah jawatankuasa sementara untuk menggubal perlembagaan; dan meneruskan ikhtiar untuk menyatukan pentadbiran agama dalam Persekutuan Tanah Melayu. Hasilnya, jawatankuasa yang dimaksudkan telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Haji Ahmad Fuad dengan AJK seperti jadual berikut :

Jadual 9 : Senarai AJK Penaja yang dilantik

Jawatan	Nama
Pengerusi	Tuan Haji Ahmad Fuad bin Hassan
Setiausaha	Syed Ahmad Khaz bin Haji Ayob
Ahli Jawatan Kuasa 1	Saadon Zubir
Ahli Jawatan Kuasa 2	Tuan Haji Ahmad Amin

Tugas utama AJK ini ialah melaksanakan keputusan yang telah disepakati dan merangka perlembagaan persatuan ulama yang dicadangkan.

⁷³ Funston, *loc. cit.*, Haji Baharuddin bin Haji Abdul Latif, *op. cit.*, hlm. xvii.

2. Persatuan Islam Se-Malaya

Kongres Persatuan Ulama-Ulama Se-Tanah Melayu yang ketiga telah diadakan di Kelab Melayu Bagan, Butterworth, Seberang Perai pada 24 November 1951, merupakan rentetan dari persidangan di Kuala Lumpur.⁷⁴ Kongres ini diwakili oleh dua ratus orang termasuk pemerhati.⁷⁵ Apa yang menarik ialah sejumlah dua puluh dari mereka terdiri dari kaum ibu yang datangnya dari seluruh Tanah Melayu dan Singapura.⁷⁶

Di dalam kongres tersebut telah dibincangkan Rang Undang-Undang Tubuh Persatuan Ulama bertajuk "Tiga Tujuan Persatuan Ulamak Malaya". Tujuan-tujuan penubuhan seperti yang telah termaktub di dalam Fasal 2 rang tersebut ialah :

1. *Mewujudkan satu perikatan persaudaraan Islam untuk membentuk satu tenaga bersama bagi menyelenggara tuntutan-tuntutan agama Islam.*
2. *Menumpukan segala ikhtiar dan tenaga bagi menyatukan perlembagaan dan pentadbiran agama seluruh Malaya.*
3. *Memperkenalkan kepada umum bahawa Islam adalah satu agama pergaulan dan politik.*⁷⁷

⁷⁴ *Ibid.*

⁷⁵ *Utusan Melayu*, 25 November 1951.

⁷⁶ *Ibid.*

⁷⁷ Haji Baharuddin bin Haji Abdul Latif, *op. cit.*, hlm. xix.

Di dalam kongres ini juga, nama Persatuan Islam Se-Tanah Melayu telah diubah. Dari tujuh cadangan nama yang dikemukakan, nama Persatuan Islam Se-Malaya atau PAS (The Pan-Malayan Islamic Union)⁷⁸ yang dicadangkan oleh Muhammad Ma'sum dari Jamaah Masjid Telaga Air, Butterworth telah diterima sebulat suara dan nama inilah yang telah digunakan sehingga ke hari ini.⁷⁹

Tuan Haji Ahmad Fuad telah dilantik sebagai Yang Di Pertua (YDP) setelah berlakunya pertandingan antara beliau dengan Tuan Syeikh Haji Abdullah Fahim.⁸⁰ Senarai lengkap penyandang-penyalang jawatan adalah seperti dalam carta di bawah :

⁷⁸ Nabir Haji Abdullah, *Maahad*, op. cit., hlm. 210.

⁷⁹ *Ibid.*, Safie Ibrahim, op. cit., hlm. 26. *Warta Negara*, 26 November 1951. Othman Hamzah, 'Sejarah Ringkas Penubuhan PAS' (artikel), Majalah Al-Ummah, April 1989, hlm 4.

⁸⁰ Haji Baharuddin bin Haji Abdul Latif, op. cit., hlm. xxv. Kamarulzaman Sulaiman, *Metodologi Gerakan Dakwah ; Penekanan Gerakan PAS Di Bawah Pimpinan Ulama'* (Latihan Ilmiah), Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1984/1985, hlm. 56.

Jadual 10 : Senarai AJK Pertama Persatuan Islam Se-Malaya

Jawatan	Nama
Yang Di Pertua	Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan
Timbalan Yang Di Pertua	Tuan Haji Mohd Ghazali Abdullah
Naib Yang Di Pertua Bhg. Utara	Tuan Haji Hussain Che' Dol
Naib Yang Di Pertua Bhg. Tengah	Fakir Muhammad Nur
Naib Yang Di Pertua Bhg. Selatan	Ustaz Jamaluddin al-Jempuli
Setiausaha Agung	Tuan Haji Ahmad Maliki
Bendahari	Haji Ahmad Long bin Tuan Husin
Ahli-Ahli Jawatan Kuasa	Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah Tuan Haji Muhammad Noor Tuan Haji Zabidi Ali Tuan Haji Abdul Wahab Tuan Haji Ashaari Ustaz Yahya Junid Osman Taib Mohammad Majzub
Pemeriksa Kira-Kira	Tuan Haji Muhammad Mukhtar Ustaz Ismail Haji Said

3. Kongres PAS

Kongres PAS kali pertama telah diadakan di al-Madrasah al-Dairah al-Ma'arif al-Wataniah, Kepala Batas, Seberang Prai pada 3-4 Januari 1953.⁸¹ Kongres ini dihadiri oleh seramai dua puluh AJK Tertinggi parti dan dua puluh orang wakil dari sebelas cawangan.⁸²

⁸¹ *Utusan Melayu*, 5 Januari 1953.

⁸² *Ibid.* Safie Ibrahim, *op. cit.*, hlm. 38-41.

Dalam kongres ini, PAS telah menetapkan matlamat perjuangannya, iaitu untuk menegakkan sebuah negara merdeka yang bercorak Islam. Matlamatnya yang lain adalah seperti berikut :

1. Berusaha dengan kuat untuk memperkenalkan kepada rakyat jelata akan kemerdekaan yang tulen serta menanamkan ke dalam jiwa mereka semangat kemerdekaan itu sambil menunjukkan cara-cara mencapainya.
2. Berusaha dengan kuat memperkenalkan demokrasi yang sejati dan menyatakan faedah-faedahnya kepada negara dan umat Islam serta berusaha menanamkan semangat demokrasi ke dalam jiwa masing-masing sambil menunjukkan cara-cara bagi mencapai demokrasi.
3. Mengatur dengan kemas cita-cita merdeka PAS dan menjalankan segala tanggungjawab yang berkaitan dengan agama Islam.
4. Berikhtiar memperkenalkan PAS kepada dunia dan badan-badan Islam seluruh dunia serta menjalinkan hubungan diantara mereka sama ada dalam perkara-perkara kebijakan untuk negara atau dunia Islam itu sendiri.
5. Berusaha melaksanakan hukum Islam.⁸³

Pada bulan Jun 1953, Jawatan Kuasa Tertinggi PAS telah menyatakan bahawa parti itu akan menganjurkan satu Kongres Islam pada 25 Ogos 1953 dan seterusnya telah diikuti oleh Kongres Parti pada 26-27 Ogos 1953. Kedua-dua kongres ini diadakan di Madrasah al Ulum, Batu 20, Bagan Datuk, Perak, telah dihadiri oleh seramai enam ratus orang wakil. Hasil dari kongres ini telah diwujudkan tiga prinsip untuk mencapai kemerdekaan berdasarkan kepada Islam iaitu :

⁸³ Qalam, Januari 1953.

1. Mewujudkan satu badan pemuda Muslim bagi melaksanakan dasar Islam.
2. Menggalakkan persaudaraan Islam dan menanamkan semangat Islam.
3. Mengamalkan cara dan kehidupan Islam.⁸⁴

Walaubagaimanapun, pada tahun yang sama telah wujud satu krisis dalam pucuk pimpinan PAS. Haji Ahmad Fuad selaku YDP telah memutuskan PAS perlu terlibat di dalam "National Conference" sedangkan majoriti Ahli Jawatankuasanya inginkan PAS terlibat di dalam "National Convention".⁸⁵

PAS telah mengadakan kongresnya yang ketiga di Madrasah at Tahdib ad Diniyyah, Titi Serong, Parit Buntar, Perak pada 12-14 Ogos 1954.⁸⁶ Di dalam kongres ini PAS telah mengambil keputusan untuk menarik diri dari "National Convention" dan akan memberi sokongan kepada mana-mana organisasi politik yang berjuang untuk kemerdekaan. Keputusan lain yang diambil dalam kongres ini ialah PAS akan mengeluarkan majalahnya sendiri bagi menerangkan dasar-dasar perjuangannya.⁸⁷

⁸⁴ *Ibid.*

⁸⁵ Sila rujuk lampiran 1

⁸⁶ *Utusan Melayu*, 11 Ogos 1954.

⁸⁷ *Warta Negara*, 12 Ogas 1954.

Sehingga tahun 1955, PAS dengan jelas telah menunjukkan pendiriannya sebagai sebuah parti politik yang berdiri sendiri dan tidak tunduk atau bersatu dengan mana-mana parti lain. Dengan pendiriannya yang tegas seperti ini PAS telah dapat menarik perhatian beberapa orang dari golongan profesional dan intelektual Melayu seperti Ustaz Zulkifli Muhammad dan Dr. Burhanuddin al Helmi. Mereka bolehlah dianggap sebagai tokoh-tokoh yang telah membawa PAS ke zaman kemuncaknya. Kehadiran tokoh-tokoh ini juga telah menarik lebih ramai lagi kalangan masyarakat Islam menjadi ahli PAS kerana pendirian mereka terhadap perjuangan PAS itu sendiri.

6. Pendaftaran dan Pertukaran Nama PAS

PAS telah didaftarkan sebagai parti politik oleh pihak Pendaftar Pertubuhan sebagai "Pan Malayan Islam Party" (PMIP) pada 15 Jun 1955, sehari sebelum hari penamaan calon Pilihanraya Pertama Persekutuan yang diadakan pada 27 Julai 1955.⁸⁸

Nama Persatuan Islam Se-Malaya telah dipinda pada kongres parti yang diadakan dari 25-27 Disember 1958 kepada nama Persatuan Islam

⁸⁸ T. E. Smith, *Report on the First Election of Members of the Legislative Council of the Federation of Malaya*, Kuala Lumpur, 1955, hlm. 16-17.

Se-Tanah Melayu (Pan-Malay Land Islamic Union).⁸⁹ Manakala dalam kongres PAS yang ke 17 yang diadakan pada 22 Jun 1971, nama Persatuan Islam Se-Tanah Melayu telah ditukarkan kepada Parti Islam Se-Malaysia (PAS)⁹⁰ yang dipakai sehingga ke hari ini.

B. Perkembangan Politik di Pahang Pada Akhir Abad ke-19 Sehingga Awal Abad ke-20

Setelah termeterainya perjanjian Inggeris-Pahang pada tahun 1887, kerajaan Inggeris telah menempatkan seorang wakilnya di Pahang untuk menasihati Sultan dalam urusan pemerintahan dan pentadbiran negeri itu. Penempatan wakil Inggeris ini pada peringkat permulaannya tidaklah menjelaskan kedudukan dan kewibawaan Sultan serta para pembesar negeri itu. Ini disebabkan mereka masih mempunyai kebebasan, sama ada mahu menerima atau menolak nasihatnya.

Walaubagaimanapun, keadaan ini hanya bersifat sementara sahaja. Untuk melindungi kepentingan rakyat, khasnya golongan saudagar di negeri itu akhirnya pada 1888, kerajaan Inggeris telah memaksa Sultan

⁸⁹ *Ringkasan Keputusan Mesyuarat Agong PAS Yang Ke-17 pada 25-27 Disember 1958, Kuala Lumpur.*

⁹⁰ Sebutan nama PAS adalah berdasarkan susunan huruf jawi iaitu P untuk (), A untuk () dan S untuk ().

Pahang⁹¹ menerima seorang Residen yang mempunyai kuasa yang lebih luas dari seorang wakil. Kerajaan Inggeris berpeluang bertindak demikian setelah berlakunya satu pembunuhan terhadap seorang rakyatnya yang tinggal di negeri Pahang.⁹²

Seperti juga di Negeri-Negeri Melayu yang lain, Residen Inggeris di Pahang mempunyai kuasa yang luas untuk mencampuri pemerintahan dan pentadbiran negeri. Nasihatnya mesti diminta dan dijalankan dalam semua perkara, kecuali yang berkaitang dengan agama orang Melayu (Islam).⁹³ Dengan menerima penempatan seorang Residen Inggeris, bukan sahaja kuasa dan wibawa Sultan serta pembesar-pembesar Negeri Pahang telah terjejas, malah status negeri itu juga telah berubah daripada sebuah negeri yang dahulunya bebas dan merdeka kepada sebuah negeri yang dijajah oleh kuasa asing.

⁹¹ Sultan Pahang pada ketika itu ialah Sultan Ahmad al-Muazzam Syah ibni Bendahara Wan Ali (Ogos 1882-1914).

⁹² Aruna Gopinath, *Sejarah Politik Pahang 1880-1935*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 99. Laporan Sultan Ahmad kepada Gabenor Smith 24 Ogos 1888. Sila rujuk lampiran.

⁹³ E. Thio, "The Extension of British Control to Pahang", JMBRAS XXX, Pt.1:46-74, 1957, hlm. 70. W. Linehan, *A History of Pahang*, Kuala Lumpur : MBRAS, 1973, hlm. 124.

Sebaik sahaja Sultan Pahang menyatakan pesetujuan untuk menerima seorang Residen, kerajaan Inggeris telah melantik J.P. Rodger sebagai Residen Inggeris yang pertama bagi negeri itu pada bulan Oktober 1888. Walaupun Rodger hanya datang ke Pahang pada bulan Julai 1889, tetapi mulai bulan Oktober 1888 Kerajaan Inggeris telah pun mencampuri secara langsung urusan pemerintahan Negeri Pahang. Inggeris telah menghantar satu pasukan polis dari Selangor dan menempatkannya di Pekan yang menjadi ibu negeri. Ini diikuti pula dengan penghantaran satu lagi pasukan polis seramai 50 orang yang telah dilatih di Selangor dan Singapura pada bulan April 1889.⁹⁴ Dengan kedatangan Rodger dan beberapa orang pegawai Inggeris lain di Pahang pada tahun 1889, bermulalah pembentukan jentera pentadbiran penjajah Inggeris di negeri itu.

Pada peringkat awalnya, Negeri Pahang telah dibahagikan kepada enam buah daerah. Setiap daerah diletakkan di bawah pentadbiran seorang Pegawai Inggeris yang berfungsi sebagai pemungut cukai, majisterit dan Ketua Pasukan Polis di daerah masing-masing. Sementara itu, Pegawai Eropah yang lain pula mengetuai jabatan-jabatan pentadbiran yang baru ditubuhkan seperti Jabatan Kerja Raya, Polis dan Perlombongan.⁹⁵

⁹⁴ *Annual Report of Pahang*, 1888, hlm. 1.

Pada tahun 1889 juga telah ditubuhkan Majlis Negeri dan Mahkamah Tinggi. Majlis Negeri yang merupakan Badan Penggubal Undang-Undang dianggotai oleh Sultan, Residen Inggeris, Tengku Mahmud (anak Sultan), Engku Muda Mansur (adik Sultan), Engku Andak, Pembesar Kanan (Orang Besar Berempat), Tok Gajah, Bendahara dan Imam Perang Indera Mahkota. Mahkamah Tinggi pula dianggotai oleh Tengku Mahmud, Bendahara, Temenggung dan Residen Inggeris.⁹⁶

Pada peringkat awal campur tangan Inggeris di Pahang, antara perkara yang diutamakan oleh Residen Inggeris dalam usahanya untuk menyusun pemerintahan negeri itu ialah menghapuskan adat memakai hamba, menghapuskan adat mengerah rakyat membuat kerja Raja dan pembesar dengan tidak berupah, menetapkan pendapatan atau gaji Sultan serta Orang Besar-Besar Pahang serta menarik kuasa orang besar Pahang memungut cukai seperti aturan lama dan membuat peraturan baru untuk memiliki tanah. Oleh itu dalam persidangan Majlis Negeri yang diadakan di Pekan pada 31 Disember 1889 telah diluluskan undang-undang tentang perhambaan, kerah, tanah dan perlombongan.⁹⁷ Dalam

⁹⁵ R.G. Cant, *An Historical Geography of Pahang*, Singapore : MBRAS, 1973, hlm. 42.

⁹⁶ Linehan, *op. cit.*, hlm. 127, 130-131.

⁹⁷ *Ibid.*, hlm. 129-131.

persidangan ketiga yang diadakan pada 11 Disember 1890 pula telah diluluskan undang-undang yang menetapkan bahawa semua tanah-tanah yang dippunyai orang Melayu mengikut adat turun temurun akan dikenakan cukai mulai 1 Januari 1891.⁹⁸

Pengenalan beberapa undang-undang baru yang menghapuskan adat memakai hamba dan hak pembesar mengerah rakyat boleh dikatakan tidak mendapat tentangan daripada para pembesar Pahang. Namun demikian, pembayaran elaun sebagai ganti penarikan hak memungut cukai telah menimbulkan perasaan tidak puashati di kalangan mereka. Menurut mereka, jumlah elaun dianggap tidak seimbang dengan kehilangan hak istimewa mereka selama ini, khasnya hak untuk memungut cukai. Perasaan tidak puashati tentang elaun ini adalah salah satu faktor penting apabila satu golongan pembesar Pahang telah melancarkan gerakan menentang Inggeris.⁹⁹

Walaubagaimanapun, gerakan penentangan tersebut berhasil dipatahkan oleh Inggeris dengan bantuan Sultan dan para pembesar Pahang yang lain yang tidak menolak kehadiran Inggeris di negeri itu. Oleh itu, sebaik sahaja gerakan penentangan berakhir, Pahang terus diperintah oleh Pegawai Inggeris yang merupakan kuasa elit baru.

⁹⁸ *Ibid.*, hlm. 136.

⁹⁹ *Annual Report of Pahang*, 1889, hlm 10.

Sungguhpun kedudukan Sultan dan Pembesar Kanan kelihatannya diberi keutamaan dan perhatian oleh Inggeris tetapi pada hakikatnya mereka telah kehilangan kuasa pentadbiran politik dan ekonomi negeri sendiri.

Seperti di Negeri-Negeri Melayu yang lain disamping membahagikan Pahang kepada beberapa buah daerah, untuk melicinkan pentadbirannya Inggeris seterusnya membahagikan sebuah daerah itu kepada beberapa buah mukim yang merupakan unit pentadbiran yang terkecil. Sehubungan dengan itu, Inggeris juga masih mengekalkan jawatan penghulu dengan menyerapkannya menjadi kakitangan kerajaan. Penghulu telah diberi peranan baru iaitu sebagai pentadbir dan pemimpin formal pada peringkat mukim.¹⁰⁰

Pembentukan jentera pentadbiran Inggeris sama ada di peringkat negeri atau daerah telah menimbulkan jurang komunikasi yang baru antara rakyat dengan kerajaan; kerana rakyat rata-ratanya tidak memahami tata cara dan sistem pentadbiran yang baru itu. Kejahilan ini menyebabkan mereka tidak berani berhubung terus secara persendirian dengan pejabat-pejabat kerajaan. Apatah lagi Negeri Pahang adalah negeri besar yang sangat kurang dengan kemudahan perhubungan. Ini menyukarkan rakyat, khasnya penduduk kampung untuk pergi ke pejabat-pejabat kerajaan. Oleh itu, penghululah yang menjadi tumpuan para

¹⁰⁰ Linehan, *op. cit.*, hlm 132.

penduduk kampung dalam hampir semua urusan mereka dengan pihak kerajaan. Dengan demikian, penghulu yang sebelumnya memainkan peranan sebagai broker atau pengantara antara penduduk kampung dengan pembesar daerah terus memainkan peranan sebagai pengantara antara penduduk dengan Pegawai Pentadbir Inggeris. Tambahan pula, pada peringkat awal penjajahan Inggeris, para Penghulu di Pahang diberi kuasa meluluskan permohonan tanah di bawah sepuluh ekar. Oleh itu, disamping memainkan peranan sebagai pengantara, Penghulu juga merupakan penaung kepada penduduk kampung yang menjadi anak buahnya. Keadaan ini berterusan sehingga zaman pra kemerdekaan.

Apabila Semenanjung Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, maka berlakulah pemindahan kuasa daripada pihak penjajah Inggeris kepada rakyat tempatan. Seperti juga di negeri-negeri lain, rakyat Pahang juga telah memiliki kembali kuasa untuk memerintah negeri mereka dan tidak lagi diperintah oleh pihak penjajah.

Mengikut perlumbaan Negeri Pahang yang baru (selepas merdeka), kuasa pemerintahan terletak di tangan Sultan, tetapi kuasa ini dijalankan oleh Sultan atas nasihat Majlis Kerja Negeri (MKN) atau oleh seorang ahlinya yang ditauliahkan oleh majlis itu. MKN terdiri dari Menteri Besar, tiga orang pegawai kerajaan (Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang dan Pegawai Kewangan Negeri) dan ADUN yang terdiri

dari tidak kurang dari empat orang dan tidak lebih daripada lapan orang.¹⁰¹ Kuasa membuat undang-undang pula terletak pada Sultan dan sebuah badan perundangan yang dinamakan Dewan Undangan Negeri (DUN). Bilangan ADUN Pahang pada mulanya seramai dua puluh lima orang.¹⁰²

Satu perubahan penting dalam politik dan pemerintahan negara ini setelah mencapai kemerdekaan ialah pengenalan kepada sistem pemerintahan secara demokrasi dan memberi hak kepada rakyat untuk memilih kerajaan mereka sendiri. Berkaitan dengan ini, rakyat dibenarkan menubuhkan parti-parti politik yang akan bertanding merebut kuasa dalam pilihanraya yang diadakan dan ketua parti politik di peringkat negeri yang partinya memenangi kerusi terbanyak dalam pilihanraya peringkat DUN lazimnya akan dilantik menjadi Menteri Besar atau Ketua Menteri. Sejak Pilihanraya Umum Pertama diadakan pada 1955, parti Perikatan telah memenangi pilihanraya di Pahang dan pemimpin Perikatanlah yang dilantik sebagai Menteri Besar dan Ahli Majlis Kerja negeri itu.

Seiring dengan kemunculan pemimpin-pemimpin Perikatan dan cawangan-cawangan UMNO di peringkat daerah, maka lahirlah juga parti-parti lain di peringkat negeri Pahang seperti PAS yang juga kelihatannya

¹⁰¹ Mohamed Salleh Abas, *Prinsip Perlumbagaan dan Pemerintahan di Malaysia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968, hlm. 220.

¹⁰² *Ibid.*

cuba untuk meraih kemenangan di dalam pilihanraya yang diadakan. Perbahasan mengenai latar belakang sejarah kemunculan PAS di Pahang akan dibahaskan pada tajuk berikutnya dalam bab ini.

C. Latar Belakang Sejarah Penubuhan PAS Di Negeri Pahang Darul Makmur

Sebelum membahas mengenai perkembangan PAS Jerantut, ada baiknya kita menulusuri dahulu latar belakang sejarah PAS Negeri Pahang itu sendiri.

Menurut Tuan Haji Jamahir bin Idris, kelahiran PAS pada tahun 1951 bermula sebagai sebuah organisasi kebajikan yang dipimpin oleh pemimpin-pemimpin UMNO. Kemudian menjelang pilihanraya umum tahun 1955 ia berubah menjadi sebuah parti politik.¹⁰³ Pemimpin-pemimpin PAS terutamanya berasal dari tiga golongan; Pertama orang yang digelarkan oleh Funston sebagai "sayap Islam" dalam PKMM, kedua bekas pemimpin HAMIM dan ketiga kumpulan anti-UMNO pada tahun 1950-an.¹⁰⁴

¹⁰³ Temubual penulis dengan Tuan Haji Jamahir bin Idris, 27 Disember 1999. Funston, *op. cit.*, hlm. 93 – 96

¹⁰⁴ *Ibid.*

Sejarah penubuhan PAS di Pahang bermula pada tahun 1954 apabila cawangan pertama (pada ketika itu disebut ranting) iaitu di Kerdau, Temerloh ditubuhkan. Melalui Mesyuarat Agung Pertama yang telah diadakan pada 14 September 1954, beberapa pemimpinnya telah dilantik. Mohd. Yasin Salleh, pemimpin awal PAS Pahang adalah bekas pemimpin UMNO dan Persatuan Melayu Pahang (PMP), yang telah meninggalkan UMNO menjelang Pilihanraya Umum Pertama 1955 kerana merasa tidak puas lantaran tidak terpilih menjadi calon UMNO pada pilihanraya tersebut.¹⁰⁵

Kebanyakkan pemimpin awal PAS Pahang memang berasal dari Temerloh. Di antara mereka selain dari Mohd. Yasin termasuklah Yaakob Busu, anak saudara Mohd. Yasin yang ketika itu bertugas sebagai Guru Pelawat Sekolah Agama Daerah Temerloh dan Bentong. Seperti Mohd. Yasin, Yaakob Busu juga ialah bekas pemimpin UMNO Temerloh dan memasuki PAS kerana mengikut tindakan bapa saudaranya itu. Selain itu, barisan kepimpinan yang lain termasuklah juga Tuan Guru Hasanuddin Ahmad yang bertindak sebagai Setiausaha dan beberapa orang AJK yang

¹⁰⁵ Ibid. Mohamed Salleh Lamry, *Paya Jejawi : Satu Kajian Antropologi Politik*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 125 – merujuk kepada temubual beliau dengan Ustaz Munir Yaakob di UKM pada 20 Ogos 1982. Ustaz Munir berasal dari Temerloh dan anak kepada Yaakob Busu.

terdiri dari Yaakob Busu, Ustaz Arifin Chot, Lebai Said Ibrahim serta Mohyiddin Abdullah.¹⁰⁶

Hasil usaha gigih pemimpin dan pendukung PAS pada ketika itu serta bantuan yang diberikan oleh beberapa tokoh di peringkat Pusat, akhirnya mereka telah berhasil menubuhkan dua puluh buah ranting sehingga awal tahun 60-an.¹⁰⁷ Senarai nama ranting adalah seperti rajah di bawah :

¹⁰⁶ Lujnah Sejarah PAS Pahang, *Sejarah PAS Pahang* (artikel yang belum diterbitkan), tanpa tahun, hlm. 4 – sumber : simpanan peribadi Sheikh Hussein bin Sheikh Jaafar, Kampung Paya Pulai, Temerloh, Pahang.

¹⁰⁷ Temu bual penulis dengan Sheikh Hussein bin Sheikh Jaafar di rumahnya di Kampung Paya Pulai, Temerloh, Pahang pada pukul 11.00 pagi, 25 Disember 1999. Beliau merupakan seorang veteran PAS. Seorang yang banyak menyimpan sumber asli mengenai PAS Pahang. Seorang yang sangat aktif di dalam perjuangan PAS Pahang bersama Tuan Haji Jamahir sekitar tahun 60-70-an.

Jadual 11 : Senarai Ranting PAS Pahang (Temerloh) Sehingga Awal 60an.¹⁰⁸

Bil	RANTING	KETUA	SETIAUSAHA
1	Badok	Abdul Manaf Latif	Mat Arif Hussain
2	Bandar Temerloh	Hj. Abu Samah Hj. Ali	Yahya Jaafar
3	Bangau Tanjung	Harun Tannjis	Abd Razak Mahussin
4	Batu Kapor	Ust. Tayub Abdullah	-
5	Berhalia Gantang	Hassanuddin Muhammad	Shami Said
6	Chenor	Sy. A. Rahman Sy. Mansur	Yusof Ibrahim
7	Kerdau	Mohd Yassin Salleh	Mahyuddin Abdullah
8	Kerdau Stesyen	Abdul Aziz Uda	-
9	Kertau	Manja Abdullah	Mahiyuddin Abdullah
10	Kg. Awah	Ahmad Mat Shah	Ismail Sohor
11	Kg. Bintang	Khatib Ibrahim Khatib Talib	Muhamad Mat Sah
12	Kg. Buntut Pulau	Hj. Mohd Don Yahya	Yahya Daud
13	Kg. Guai	Abd Kadir Hj. Awang	Muhamad Hj. Awang
14	Kg. Kelabit	Mohd Zin Hj. Ali	Radzaman Yahya
15	Kg. Pesagi	Hj. Mohd Noor Jaafar	Yaakob Muhammad
16	Kg. Teluk	Abdul Wahid Bahauddin	Yusof Ibrahim
17	Kuala Bera	Hj. Din Sandang	Hamzah Zakaria
18	Kuala Tekal	Syed Ahmad Syed Omar	Mohd Diah
19	Lancang	Ahmad Hussin	Jaluddin Husin
20	Lebak	Hj. Mohd Zin Yusof	-
21	Mentakab Chatin	Sidek Ismail	-
22	Mentakab Timur	Borhan Abdul Ghani	Wan Ahmad Hamid Ismail
23	Paya Ladang	Muda Mahussin	Awang Abdul Rahman
24	Paya Luas Kerdau	Harun Jaafar	-
25	Paya Pulai	Sh. Hussein Sh. Jaafar	Hj. Abd. Rahman
26	Sanggang Seberang	Ahmad Basir	Sulaiman Ibrahim

Pada awal tahun 1956, Abu Samah Mohd. Ali mengambil alih pucuk pimpinan PAS negeri daripada Mohd. Yasin yang telah menyertai semula UMNO. Abu Samah ialah seorang Orang Besar Berlapian dan bekas Ketua Jabatan Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.¹⁰⁹

¹⁰⁸ *Lujnah Sejarah PAS Pahang, op. cit., hlm. 5.*

¹⁰⁹ Sumber maklumat diperolehi dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Bangunan Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Dia tidak pernah bergiat dalam mana-mana parti politik sebelum ini kecuali pernah menjadi YDP Persatuan Melayu Pahang pada tahun 1948-1949, iaitu ketika dia memegang jawatan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.¹¹⁰

Menurut Sheikh Hussein, di dalam senario awal perjuangan, PAS Pahang boleh dikatakan tidak berjaya menarik pemimpin-pemimpin tempatan seperti Penghulu dan Ketua Kampung menjadi penyokongnya, kerana pemimpin-pemimpin tempatan pada umumnya telah lama menjadi pemimpin dan petugas UMNO pada peringkat tempatan. Jika di tinjau dari sudut sejarah, mereka jugalah yang memainkan peranan penting di dalam mengembangkan pengaruh UMNO di kalangan penduduk kampung di Pahang. Kegagalan PAS Pahang menarik pemimpin-pemimpin tempatan menyebabkan parti ini menghadapi kesukaran untuk menujuhkan cawangan baru di kawasan-kawasan tertentu.¹¹¹

Walau bagaimanapun, menurut Tuan Haji Jamahir, sebagai sebuah parti politik yang memakai nama Islam dan mendakwa perjuangannya berlandaskan agama Islam, PAS dapat menarik sebahagian dari guru-guru agama dan orang yang berminat kepada agama untuk menjadi

¹¹⁰ Temubual penulis dengan Sheikh Hussein bin Sheikh Jaafar, 25 Disember 1999.

¹¹¹ Temu bual penulis dengan Tuan Haji Jamahir bin Idris, 27 Disember 1999.

penyokongnya. Golongan guru-guru agama dan orang yang berminat terhadap agama inilah yang memainkan peranan sebagai pemimpin dan petugas PAS di peringkat tempatan. Oleh itu, di bawah pimpinan Abu Samah dan guru-guru agama yang menjadi sekutunya, PAS berkembang secara sederhana di Pahang, namun tetap menjadi penentang utama UMNO didalam setiap pilihanraya yang diadakan.¹¹²

Abu Samah mengetuai PAS Pahang sehingga meninggal dunia pada awal tahun 1970. Selepas itu pucuk pimpinan PAS Pahang telah diambil alih oleh Ustaz Alwi Abdul Hamid, seorang guru agama yang telah menyertai PAS sejak tahun 1950-an. Menurut Tuan Haji Jamahir, di bawah pimpinan Ustaz Alwi PAS Pahang tidak mengalami sebarang perubahan atau perkembangan yang penting.¹¹³ Sehinggalah ke tahun 1974, PAS Pahang diketuai oleh Mohamed Rusdi Arif,¹¹⁴ seorang siswazah Universiti Malaya dan bekas pegawai Felda. Menurut Tuan Haji Jamahir lagi, kemunculan Mohamed Rusdi Arif sebagai Ketua PAS Pahang dianggap penting kerana telah membawa dua perubahan iaitu :

¹¹² *Ibid.*

¹¹³ *Ibid.*

¹¹⁴ Rusdi adalah anak kepada Tuan Haji Mohd Arif bin Abbas.

1. Dengan kemunculannya bererti pucuk pimpinan PAS Pahang telah diambil alih oleh seorang anak guru agama yang berkelulusan universiti yang telah bermobiiti ke kelas menengah.
2. Mohamed Rusdi Arif adalah termasuk dalam golongan pemimpin baru PAS (golongan muda) yang dicap sebagai "kepimpinan ulama"¹¹⁵ yang menolak kepimpinan Dato' Mohd Asri Muda.¹¹⁶

Oleh yang demikian, semenjak Mohamed Rusdi Arif mengambil alih pucuk pimpinan PAS Pahang, parti itu secara beransur-ansur dapat menarik beberapa orang ahli baru dari kelas menengah, termasuklah golongan-golongan profesional seperti peguam dan guru-guru sekolah. Di antara mereka yang terkenal termasuklah dua orang peguam iaitu Syed Ibrahim bin Syed Abd. Rahman¹¹⁷ yang pernah dilantik menjadi Bendahari PAS Pusat dan Suhaimi Said yang dilantik menjadi salah seorang

¹¹⁵ Jamal Mohd Lokman Sulaiman, *Biografi Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz : Seorang Ulama' Serta Ahli Politik Malaysia di Abad ke 20*, Edisi 1, SULFA Human Resources & Development : Selangor, 1999, hlm. 80. Menurut Jamal, "Kepimpinan Ulama" ialah istilah umum yang digunakan untuk merujuk kepada golongan pemimpin muda yang mempunyai ilmu agama yang mendalam tentang selok belok ilmu mengenai as-Siyasah as-Syariyyah dalam PAS, yang telah menggulingkan Datuk Asri Haji Muda daripada pucuk pimpinan parti itu pada tahun 1982. Wan Abdul Rahman, *Parti-Parti Politik di Malaysia* (artikel yang belum diterbitkan), hlm. 20.

¹¹⁶ Temubual penulis dengan Tuan Haji Jamahir bin Idris, 27 Disember 1999.

¹¹⁷ Pernah bertanding beberapa kali sebagai calon di peringkat DUN dan Parlimen Jerantut termasuklah pada Pilihanraya Umum ke 10 – 1999 sebagai calon Kawasan Parlimen Jerantut.

Penasihat Undang-Undang PAS Pusat, disamping memegang jawatan Ketua Pemuda PAS kawasan Temerloh.¹¹⁸

Di samping itu, sejak tahun 1983, program politik yang dianjurkan oleh PAS Pahang khasnya ceramah umum, sangat kerap dihadiri oleh pemimpin-pemimpin PAS Pusat, termasuk Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat, Mursyidul Am PAS, Ustaz Fadhil Mohd. Noor, YDP PAS dan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, NYDP parti itu. Dengan kehadiran para pemimpin PAS Pusat itu khasnya Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang yang mempunyai kebolehan istimewa dalam berpidato, ceramah-ceramah umum yang dianjurkan oleh PAS Pahang yang biasanya tertumpu di daerah Temerloh, dapat menarik pendengar antara tiga ribu hingga lima ribu orang. Oleh yang demikian, satu kejayaan besar PAS Pahang dibawah pimpinan ketuanya sekarang ialah keupayaannya menarik penyertaan yang begitu meluas daripada orang kampung terhadap program yang dijalankannya.¹¹⁹

Walaubagaimanapun, menurut Tuan Haji Yusof Ibrahim, dari segi penubuhan cawangan di peringkat kampung, boleh dikatakan tidak banyak kemajuan yang dapat dicapai oleh PAS Pahang. PAS masih tidak

¹¹⁸ Pejabat Perhubungan PAS Negeri Pahang, *Fail Senarai Jawatan Kuasa Kerja PAS Pahang*.

¹¹⁹ Temubual penulis dengan Tuan Haji Jamahir bin Idris, 27 Disember 1999.

berupaya menambahkan cawangannya dalam jumlah yang banyak, kerana pemimpin-pemimpin tempatan seperti penghulu, ketua kampung dan imam kebanyakannya masih terus menjadi pemimpin dan petugas UMNO dan berupaya mempengaruhi kebanyakan anak buah masing-masing supaya terus menyokong parti tersebut. Sebaliknya, di peringkat kampung PAS masih kekurangan pemimpin dan petugas yang berkebolehan yang mampu menandingi pemimpin UMNO.¹²⁰

Oleh kerana itu, sungguhpun PAS Pahang mampu mengemukakan calon yang ramai dalam setiap pilihanraya dan merupakan penentang utama UMNO sejak pilihanraya 1978, tetapi jumlah undi yang diperolehinya dalam setiap pilihanraya masih tetap kecil.¹²¹

¹²⁰ Temubual penulis dengan Tuan Haji Yusof Ibrahim, Pengerusi Jabatan Pilihanraya PAS Pahang 1999/2001. Beliau juga merupakan Yang Di Pertua PAS Kawasan Parlimen Kuantan 1999/2001. Bertanding pada Pilihanraya Umum ke 10, 1999 sebagai calon DUN Beserah. Temubual dijalankan di Pejabat Perhubungan PAS Negeri Pahang, pada pukul 1.00 tengahari, 19 Disember 1999.

¹²¹ *Ibid.* Temubual penulis dengan Ustaz Mokhtar bin Ishak, Timbalan Ketua Dewan Ulama PAS Pahang 1999/2000, di rumahnya di Kg. Bukit Kepayang, Temerloh pada pukul 11.00 pagi, 11 Disember 1999.

D. Tujuan Penubuhan PAS

Mengenai tujuan penubuhan PAS, ada pendapat yang mengatakan iaanya ditubuhkan semata-mata untuk mengisi ruang politik di dalam konteks yang dibenarkan oleh undang-undang semasa pemerintahan Inggeris atau kerana mengisi ruang demokrasi yang dibenarkan kini.¹²² Namun demikian lebih tepat lagi, tujuan utama penubuhan ini adalah seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan PAS, Bab Kedua Fasal 5 :

1. *Memperjuangkan pembentukan sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah S.W.T. di negara ini.*
2. *Mendokong dan mempertahankan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan negara.*¹²³

Dalam konteks ini juga PAS merasakan bahawa melahirkan sebuah pertubuhan Islam atau Jemaah Islam dari segi mendaulatkan Islam adalah suatu kewajipan *fardhu 'ain*, seperti yang dinilai dari sudut *mithali* iaitu kewajipan menunaikan *fardhu* solat. Hukum mendirikan solat adalah wajib dan berdasarkan ini secara *qiyas* diwajibkan mendirikan negara Islam serta diwajibkan menubuhkan jemaah Islam.

¹²² A.K. Hidayat, *PAS 1951 – 1991 (Tercabar – Mencabar)*, Kuala Lumpur : G.G. Edar, 1986, hlm. 9.

¹²³ *Perlembagaan Parti Islam Se Malaysia (PAS) – Pindaan 1993*, Selangor : Selangor : Pejabat Agung PAS-Markaz Tarbiyah PAS Pusat Taman Melewar, 1994, hlm. 2. Bachtiar Djamily, *Kenapa PAS boleh jadi PAS*, Selangor : Cerma Rafleswaty, 1976, hlm. 21.

Penubuhan PAS adalah suatu keperluan kerana perjuangan ulama itu adalah untuk mendaulatkan Islam dalam konteks Malaysia yang bukan sahaja beridentitikan Islam tetapi juga turut menjalankan pemerintahan Islam.¹²⁴ Selain daripada itu, PAS ingin memperjuangkan Islam sebagai ideologi politik dan memperkenalkan nilai-nilai kelslaman dalam usaha menegakkan keadilan di segenap bidang termasuklah politik, ekonomi, sosial dan pelajaran.¹²⁵ Tujuan penubuhan PAS ini juga adalah berdasarkan Firman Allah S.W.T. di dalam surah Ali-Imran ayat 140 yang bermaksud :

*"Hendaklah ada di kalangan kamu sekumpulan ummat yang bertugas menyeru manusia kepada kebaikan dan menyuruh mereka berbuat yang ma'ruf dan menegah dari berbuat mungkar, merekalah yang akan mendapat kemenangan."*¹²⁶

Ini disokong lagi dengan ajaran Islam itu sendiri yang meliputi seluruh aspek kehidupan, mulai daripada akidah sebagai pegangan yang paling asas, ibadah dalam pengertian meliputi seluruh kegiatan dan cita-

¹²⁴ A. K. Hidayat, *op. cit.*, hlm. 12. Mohd. Sarim Haji Mustajab, *Islam dan Perkembangannya Dalam Masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu 1900-1940an*, (Thesis M.A) Sarjana Sastera, UKM, 1975.

¹²⁵ Lotfi Ismail, *Berakhirnya Zaman Keagungan PAS*, Kuala Lumpur : Penerbitan Pena Sdn. Bhd., 1978, hlm. 39. Jamal Mohamad Lokman Sulaiman, *op. cit.*, hlm. 68 – 71.

¹²⁶ Yayasan Penyelenggara Penterjemah/Pentafsir Al-Quran , Al Quran dan Terjemahnya (Indonesia), Medinah Munawwarah : Percetakan Al-Qur'anul Karim Kepunyaan Raja Fahd, tanpa tahun.

cita hidup, kehidupan dan penghidupan di dalam susunan rangka yang lengkap sebagai suatu *nidzomul-hayah* atau sistem hidup yang lengkap.¹²⁷

E. Prinsip atau Dasar Penubuhan PAS

Prinsip atau dasar penubuhan PAS pula adalah Islam.¹²⁸ Dasar ini jelas menunjukkan matlamat perjuangannya yang ingin menujuhkan sebuah pemerintahan yang berlandaskan Islam di Malaysia. Negara yang ingin ditubuhkan itu adalah menjalankan undang-undang berdasarkan Al-Quran dan *As-Sunnah*. Manakala hukum mewujudkan pemerintahan ini adalah wajib pada hukum syarak.¹²⁹

Dasar Islam ini bukanlah suatu perkara yang mudah untuk diterima oleh masyarakat termasuklah mereka yang beragama Islam. Hal ini disebabkan sudah beratus tahun Islam yang dianuti di Malaysia diterima sebagai satu ibadah khusus sahaja seperti solat dan puasa. Manakala Islam sebagai *Ad-Din*, satu cara hidup yang lengkap, kemas dan teratur

¹²⁷ Manifesto PAS 1978, "Agama, Bangsa dan Tanahair, Selamat dan Sejahtera." Sumber : Pejabat Perhubungan PAS Negeri Pahang.

¹²⁸ *Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) - Pindaan 1993*, loc. cit.

¹²⁹ Manifesto PAS Negeri Terengganu, "Bangunkan Negeri Dengan Islam," Sumber : Pejabat Perhubungan PAS Negeri Pahang.

masih lagi belum difahami sepenuhnya oleh pengikut Islam itu sendiri.¹³⁰ Di samping ketidakfahaman tersebut, para pimpinan umat Islam di Malaysia juga menekankan konsep "tidak boleh mencampur-adukkan agama dengan politik". Hal ini disebabkan di dalam diri mereka telah disemai pemahaman bahawa politik itu kotor dan penuh dengan tipu daya sedangkan agama itu suci yang akan terjejas kesuciannya jika dicampur-adukkan dengan hal *ehwal* politik. Sementara bagi pihak PAS sendiri, agama adalah merangkumi seluruh penghayatan atau ruang lingkup kehidupan manusia yang tidak terlepas sedikitpun dari naungan agama itu sendiri.¹³¹

Di dalam konteks ini juga, yang dimaksudkan dengan dasar Islam oleh PAS ini adalah suatu dasar yang tidak merujuk kepada mana-mana model ekoran daripada seluruh dunia kini yang tidak ditadbir menurut ajaran Islam. Justeru itu, contoh yang boleh ditunjukkan mengenai dasar ini adalah sistem pemerintahan Islam seperti yang telah diwujudkan di Kota Madinah oleh Rasulullah S.A.W dan pemerintahan *Khulafa ar-Rasyidin* di zaman kegembilan Islam.¹³²

..¹³⁰ A. K. Hidayat, *op. cit.*, hlm. 15.

¹³¹ *Ibid.*, hlm. 15 & 24

¹³² *Ibid.*, hlm. 20.

F. Matlamat Perjuangan PAS

Matlamat perjuangan PAS adalah untuk menegakkan sebuah Negara Islam yang diredhui Allah S.W.T yang menjalankan sistem pemerintahannya dengan cabang-cabang kekuasaannya dari segi eksekutif, kahakiman dan perundangannya berdasarkan Islam. Islam ini akan memandu sistem ekonomi, pendidikan, kebudayaan dan sebagainya lagi berlandaskan konsep *taqwa*. Barisan pemerintahannya pula hendaklah terdiri daripada orang-orang yang beriman dan taat kepada Allah serta Rasulnya.¹³³

E. PAS dan UMNO

PAS dan UMNO merupakan dua buah parti politik yang menonjol di negara kita. PAS merupakan sebuah parti pembangkang dan UMNO memainkan peranan sebagai salah sebuah parti komponen BN kerana parti-parti lain di dalam BN adalah dianggap tidak menonjol.¹³⁴ Oleh kerana itu UMNO menjadi pemimpin kepada BN.

¹³³ Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) - Pindaan 1993, *loc. cit.*

¹³⁴ Ibrahim Abu Bakar, *Perbandingan Pemikiran Politik-Agama PAS dan UMNO* (suntingan Wan Hashim Wan Teh dari buku UMNO Dalam Arus Perdana Politik Kebangsaan), Kuala Lumpur : Mahir Publication, 1993, hlm. 130-131.

PAS merupakan sebuah parti Islam yang tidak berfaham kebangsaan atau nasionalisma. Di dalam ertikata yang lain, PAS bukanlah parti orang-orang Melayu dan ini terkandung di dalam Undang-undang Tubuh PAS, dalam Fasal (9) mengenai syarat-syarat menjadi ahli PAS :

1. *Seorang warganegara persekutuan (Malaysia);*
2. *Beragama Islam;*
3. *Aqil baligh menurut hukum syarak dan,*
4. *Mengaku menerima serta taat kepada perlembagaan PAS dan keputusan parti dari masa ke semasa.*¹³⁵

Ini bermaksud, syarat untuk menjadi ahli biasa PAS adalah seorang Islam yang berakal, *baligh* menurut hukum Islam dan ianya tidak mengira bangsa, keturunan atau warna kulit.

Di dalam konteks ini juga PAS bukanlah sebuah parti perkauman dan berfahaman sempit tetapi merupakan sebuah parti Islam yang benar-benar ditubuhkan untuk memperjuangkan cita-cita Islam di dalam negara ini. Dasar dan politiknya telah berhasil menandingi Perikatan (sekarang BN) dan seterusnya mengancam kedudukan komponen tersebut terutamanya UMNO. Ini kerana apa yang diamalkannya dikatakan sesuai dengan kehendak orang-orang Melayu itu sendiri.¹³⁶

¹³⁵ Perlumbagaan PAS, *op. cit.*, hlm. 9.

¹³⁶ Amaluddin Darus, *Lintasan Politik Malaysia*, Kuala Lumpur : Pustaka Abad, 1979, hlm. 139, 140 & 89. Temubual penulis dengan Y.B Abdul Malek bin Yusof, 12 Disember 1999.

UMNO merupakan sebuah parti politik yang dasarnya dari permulaan lagi adalah 'demokratik nasionalisma' iaitu faham kebangsaan yang berdasarkan demokrasi.¹³⁷ Parti ini ditubuhkan atas usaha mempertahankan hak-hak orang Melayu melalui cara-cara yang sesuai dengan undang-undang zaman penjajah. Namun demikian, keadaan UMNO sekarang telah berubah kerana UMNO telah menerajui kerajaan dan dapat meminda undang-undang. UMNO juga merupakan sebuah parti yang bersifat 'pragmatik' dan disebabkan ini, tindakan politik UMNO seringkali berubah mengikut perubahan masa.¹³⁸

Ekoran dari sikap permusuhan dan saling curiga-mencurigai antara PAS dan UMNO, akhirnya telah membawa kepada perundingan bagi pembentukan sebuah 'kerajaan campuran'. UMNO berusaha memujuk PAS untuk membentuk kerajaan campuran dengan alasan untuk mengelakkan perpecahan dikalangan orang Melayu. Walaupun PAS tidak bersetuju pada peringkat awal, namun setelah diadakan beberapa siri perbincangan peringkat tertinggi kedua belah pihak, PAS yang pada ketika itu berada di bawah pimpinan Dato' Mohd. Asri telah bersetuju menyertai

¹³⁷ Ibrahim Abu Bakar, *loc. cit.*

¹³⁸ Amaluddin Darus, Lintasan, *op. cit.*, hlm. 82 & 84.

Perikatan dan melalui satu perjanjian yang telah dibuat pada 1 Januari 1973.¹³⁹

Perikatan kemudiannya telah diubah namanya kepada Barisan Nasional (BN) pada tahun 1974.¹⁴⁰ Perkara yang menarik di dalam BN ialah berlakunya kerjasama di antara PAS dan UMNO di atas satu landasan perjuangan membentuk Kerajaan Campuran. Implikasi dari Kerajaan Campuran ini memperlihatkan juga kepaduan kekuatan yang dapat mengukuhkan orang-orang Melayu.¹⁴¹ Namun begitu ramai di antara penyokong dan ahli PAS tidak bersetuju menyertai BN kerana mereka mahu berdiri sendiri di dalam memperjuangkan Islam dengan alasan yang kuat. Mereka mendakwa golongan yang menyokong penyatuan PAS dalam BN sebagai golongan yang menyeleweng dari jalan yang diwarisi.¹⁴²

¹³⁹ Temubual penulis dengan Tuan Haji Jamahir bin Idris, 27 Disember 1999. Diana K. Mauze dan R.S Milne, *Politik Dan Kerajaan Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1982, hlm. 234-236.

¹⁴⁰ *Ibid.*,

¹⁴¹ *Ibid.*, Aziz Zariza Ahmad, *op. cit.*, hlm. 107 & 109.

¹⁴² Ahmad Kamar, *Islam Tercabar (Satu Pandangan Terhadap PAS)*, Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Ilmu, 1979/1980, hlm. 37.

Walaupun PAS bersetuju bekerjasama dengan BN, masih wujud pertentangan di antara keduanya. Sebagai contoh, pertentangan tersebut jelas kelihatan dalam insiden pembukaan cawangan PAS di Seri Gading, Johor yang merupakan kawasan Dato' Hussein Onn. Motif pembukaan cawangan ini hebat dipersoalkan oleh pihak BN.¹⁴³ Selain daripada itu, kebanyakkan tindak tanduk PAS juga telah dipersoalkan semasa di dalam BN. Situasi ini telah menyebabkan kerjasama di antara PAS dan UMNO tidak memakan usia lama. Ekoran dari krisis kepimpinan di Kelantan, PAS telah terkeluar dari BN.

¹⁴³ Ismail Kassim, *Race, Politics And Moderation : A Study of the Malaysia Electoral Process*, Kuala Lumpur : Times Book International, 1979, hlm. 20.